KPM tidak mahu murid dijadikan 'tikus makmal'

Oleh Suzalina Halid - September 23, 2024 @ 12:46pm
suzalina@bh.com.my



Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek bersama Ketua Setiausaha KPM, Datuk Ruji Ubi melancarkan Pelan Strategik Pendidikan ketika perhimpuan bulanan Kementerian Pendidikan di Dewan Damar Sari, Putrajaya. - Foto NSTP/AMIRUDIN SAHIB.

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan (KPM) tidak mahu murid sekolah dijadikan 'tikus makmal' dalam aspek pelaksanaan semula Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata atas dasar itu, KPM perlu mendapatkan pandangan menyeluruh dan ia hendaklah dilihat dalam aspek yang lebih besar sebelum keputusan mengembalikan semula UPSR dan PT3 dimuktamadkan.

Beliau berkata, perkara itu akan dibawa ke peringkat Jemaah Menteri untuk mendapatkan pedoman, namun setakat ini KPM kekal dengan keadaan sedia ada.

Mengulas lanjut katanya, dalam sebarang keputusan dibuat kelak, pihaknya mahu memastikan kemajuan murid tidak terjejas khususnya yang berkait rapat dengan falsafah pendidikan kebangsaan.

"Kita perlu menyediakan pandangan keseluruhan dan persiapan menyiapkan padangan tetapi ia tidak boleh dilihat dalam satu aspek saja kerana anak-anak kita bukan tikus makmal yang diulang kaji mereka ini.

"Kejab ada peperiksaan, kejab tidak ada...kena ada ketetapan itu. Kita sudah membuat pelbagai penegasan semula untuk pentaksiran ini dan latihan guru.

"Apapun keputusan di ambil, ia tidak boleh menjejaskan anak-anak khususnya yang berkait rapat dengan falsafah pendidikan kebangsaan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan KPM, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Fadhlina melancarkan buku pelan lima teras stategik KPM iaitu meningkatkan akses dan kualiti pendidikan, memperkukuh pendidikan digital, menambahbaik kemudahan institusi pendidikan KPM, memperkasakan pengurusan sumber manusia dan mengislahkan sistem tatakelola.

Selain itu, Fadhlina turut melancarkan penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi Peringkat KPM.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata, dasar pendidikan berhubung peperiksaan bagi pelajar tahun enam dan tingkatan tiga perlu disemak semula dan dirombak selepas kewujudan masalah pelajar tidak mahir membaca, menulis dan mengira (3M).

Pada masa sama, Fadhlina berkata, KPM mempunyai tumpuan lebih besar melalui Kurikulum Persekolahan 2027 dan pelan pendidikan baharu berhubung masa depan pendidikan Malaysia.

Beliau berkata, melaluinya, semua maklumat termasuk berhubung peperiksaan UPSR dan PT3 akan dimasukkan dalam sesi libat urus berkenaan.

Sementara itu, mengenai keciciran pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Fadhlina berkata, KPM bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan rakan strategik, Yayasan Hasanah untuk melaksanakan program intervensi.

Beliau berkata, program dikenali sebagai 'Anak Kita' itu adalah bagi menangani keciciran pembelajaran di setiap peringkat termasuk bagi membantu persediaan calon yang bakal menduduki peperiksaan SPM.

"Pada peringkat SPM, program ini membabitkan penyertaan murid tingkatan empat dan lima merangkumi penganjuran kelas tambahan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik, selain meningkatkan keyakinan diri murid serta bimbingan hala tuju selepas peperiksaan," katanya.

Beliau berkata, selain itu KPM juga mengatasi isu itu dengan pendekatan secara setempat (localise) dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mengenalpasti masalah berdasarkan demografi negeri.

"Kita juga melihat komitmen ditunjukkan kerajaan negeri yang memberi kesan baik dalam aspek keputusan dan kehadiran pelajar SPM termasuk di Selangor yang mengadakan tuisyen rakyat, Pahang (tuisyen Tokwan) dan Perak (tuisyen Cikgu Shaarani)," katanya.

Fadhlina berkata, KPM mengenal pasti tiga faktor utama menyebabkan keciciran murid dalam peperiksaan SPM iaitu berhenti sekolah, dibuang sekolah dan sudah bekerja.